# IMPORTANT NOTICE

## Phasing Out Of Non Cheque Truncation And Conversion System ("CTCS")-Compliant Cheques

AS ANNOUNCED BY BANK NEGARA MALAYSIA.

With effect from **1 September 2009**, non CTCS-compliant cheques will no longer be accepted for clearing by Bank Negara Malaysia.

Kindly apply for your new CTCS-compliant cheques via Phone Banking, Internet Banking, ATM or at any HSBC branch near you.

---

# NOTIS PENTING

## Pemberhentian Pengeluaran Cek Yang Tidak Mematuhi Sistem Pemangkasan Dan Penukaran Cek ("CTCS")

SEPERTIMANA YANG DIUMUMKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA.

Bermula **1 September 2009**, cek-cek yang tidak mematuhi keperluan garispanduan CTCS tidak akan lagi diterima untuk penyelarasan oleh Bank Negara Malaysia.

Anda diminta untuk memohon bagi mendapatkan cek-cek berciri CTCS melalui perkhidmatan Perbankan Telefon, Perbankan Internet, mesin ATM atau di mana-mana cawangan HSBC yang berhampiran anda.

HSBC

The world's local bank

*Issued by HSBC Bank Malaysia Berhad (Company no. 127776-V) and HSBC Amanah Malaysia Berhad (Company no. 807705-X)*

# Cheque Truncation and Conversion System (CTCS)

**Q1. What is this new cheque clearing system about?**

In June 2007, Bank Negara Malaysia initiated a national project in support of the country's vision to introduce a secure, efficient and convenient payment mechanism for the paperless clearing of cheques in tandem with the migration to e-payments. This is called the Cheque Truncation and Conversion System (CTCS) system.

**Cheque Truncation** uses the electronic image and Magnetic Ink Character Recognition (MICR) data of the cheque and not the physical cheque to process clearing. Cheques are digitally transmitted, thus efficiently reducing time needed for payment transactions.

**Q2. When will CTCS be implemented?**

Cheque Truncation is scheduled to go live on 13 June 2008 beginning with our branches at Klang Valley, Perak, Pahang, Negri Sembilan and Melaka, and the rest of the country in phases; our Penang and Johor branches by October 2008 and our East Coast and East Malaysia branches by January 2009.

**Q3. Would the new system impact the current mode of deposit and issue of cheques by customers?**

As a depositor, you will be required to complete the pay-in details on the reverse of the cheque. As an issuer of cheques, you are required to write the cheques with a dark coloured ink (blue or black ink is recommended). This would enhance the quality of the image of the cheque captured.

**Q4. What is the difference in design between cheques today and a CTCS cheque?**

The new standard CTCS cheques measure 7" by 3.5" and has been issued to customers for new cheque book requests received from 1 July 2007 onwards. Customers can still use non-CTCS cheques until 31 August 2009, beyond which the CTCS cheques will become the industry standard.

**Q5. What happens if I receive a non-CTCS designed cheque after 31 August 2009?**

If you receive a non-CTCS cheque after 31 August 2009, you should request for a new CTCS-compliant cheque from the drawer immediately. All banks have, since 1 July 2007, been issuing the new CTCS cheques to customers.

**Q6. What should I do if I still have unused HSBC cheques which are not CTCS-compliant after the cut-off date?**

You may return the non CTCS-compliant cheques to your branch of account and apply for a CTCS-compliant chequebook.

**Q7. Are there any changes to the current cheque clearing times?**

Local and outstation cheques deposited via CTCS before the 4.00 p.m. cut-off time on a banking day will continue to be processed within the same banking day. Customers may check their accounts after 8.00 p.m. on the next banking day on the availability of funds.

**Q8. Will the current practice of banks charging commission on inland exchange (CIE) for outstation cheques be continued under CTCS?**

CIE will not apply for cheques cleared via the CTCS.

## Image Return Document (IRD)

**Q9. What is an IRD?**

Under CTCS, all physical cheques will be retained by the bank where the cheque was presented for payment. If a cheque cannot be paid, the cheque will not be returned to the payee of the cheque. The payee of the cheque will instead receive a document known as an Image Return Document (“IRD”) by mail from the bank where the cheque was presented for payment. The IRD is recognised by the Bills of Exchange Act 1949.

The IRD is a concise, one-paged document with the following details:

1. The reason for returning the cheque,
2. whether the IRD can be presented,
3. whether you should obtain a new cheque from the issuer of the cheque,
4. the validity period of the IRD; and
5. the number of times the IRD has been presented.



HSBC

**HSBC Bank Malaysia Berhad**
(Company No. 127776-V)
Head Office, 2, Lebuh Ampang
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2070 0744

**Notis Pulangan Cek (NPC)**
*Return Cheque Advice (RCA)*

No. 000004

Tarikh : 27-04-2008
*Date*

Tuan/Puan,
*Sir/Mdm,*

Kami ingin memaklumkan bahawa cek berikut yang telah didepositkan ke dalam akaun tuan/puan dipulangkan :-
*We wish to inform you that the following cheque deposited into your account has been dishonoured :-*

| | | | |
|---|---|---|---|
| No. Cek / *Cheque No.* | : 002412 | Kod UIC / *UIC Code* | : 2008042602221401610106000028149 |
| Bank Pembayar / *Paying Bank* | : HSBC BANK MALAYSIA BERHAD | Amaun / *Amount* | : RM5,000.00 |
| No. Akaun / *No. Account* | : | | |
| Sebab Dikembalikan / *Reason for Return* | : 11 - Post Dated | | |
| Catatan / *Remarks* | : | | |

Sila ceraikan dan kemukakan Dokumen Pulangan Imej di bawah bagi tujuan penjelasan semula.
*Kindly detach the Image Return Document for representment of the above cheque for clearing.*

Terima kasih.
*Thank you.*

Dokumen ini ialah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan
*This is a computer generated document and no signature is required*

Sila ceraikan bahagian ini
*Detach here*

HSBC

**HSBC Bank Malaysia Berhad**
(Company No. 127776-V)

**Dokumen Pulangan Imej (DPI)**
*Image Return Document (IRD)*

No. 000004

Tarikh : 27-04-2008
*Date*

Dokumen ini ialah sah dari segi undang-undang untuk dikemukakan sebagai pembayaran, tertakluk pada terma dan syarat seperti di bawah.
*This document serves as a legal copy of your cheque for representment, subject to the terms and conditions stated below.*



**Maklumat Pemegang Akaun**
*Payee's Particular's*

| | |
|---|---|
| Nama / *Name* | : |
| No. Akaun / *No. Account* | : |
| Kod UIC / *UIC Code* | : 2008042602221401610106000028149 |
| Bilangan Penjelasan / *No. of Presentment* | : 01 |
| Sebab Dikembalikan / *Reason for Return* | : 11 - Post Dated |

**Terma dan Syarat**
*Terms and Conditions*

1. DPI ini hendaklah dikemukakan untuk penjelasan dalam tempoh sah laku cek asal.
   *This IRD is to be presented for clearing within the validity period of the original cheque.*
2. DPI ini akan disimpan di bank kami selelah dikemukakan untuk pembayaran.
   *This IRD will be retained when presented to our bank.*
3. DPI yang telah diubahsuai, lusuh atau koyak tidak akan diterima.
   *IRD with any alteration, mutilation or tear will not be accepted.*

Dokumen ini ialah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan
*This is a computer generated document and no signature is required*

## Image Return Document (IRD)

**Q10. What should I do if I receive an IRD?**
Please refer to the bottom half of the IRD to determine the reason why the cheque is returned. Check whether you can present the IRD. Presentment of an IRD is only permitted for the following return reasons:

- Refer to Drawer
- Exceeded Arrangement / Amount Limit Exceeded
- Effects Not Cleared
- Not Arranged For
- Other Reason (for insufficient funds)
- Post Dated
- Large Value Confirmation required

**Q11. How should I present an IRD after resolution of the cheque return reason?**
The IRD with any of the above return reasons may only be deposited into the same bank (or any of its branches) and into the same account where the cheque was originally presented for payment. An IRD can only be presented for clearing and not for encashment.

**Q12. What must I do if an IRD cannot be presented?**
You should return the IRD to the drawer in exchange for a replacement cheque. The replacement cheque should address the reasons for the return of the IRD in order that it may be cleared successfully through CTCS.

**Q13. If I present an IRD and it is returned, will I get back the same IRD again?**
No, a new IRD will be generated for each return of the same cheque. The IRD will state that it is the second IRD.

**Q14. How can I ensure that the IRD is genuine?**
The front and back image of the original cheque will be printed on the IRD, which itself will be printed on security paper. Each IRD will also have a serial number and controlled strictly by the bank that issued the IRD.

**Q15. Are there any charges imposed on the depositor when the bank issues an IRD?**
No, other then the usual returned cheque charges, there will be no additional charges as the IRD is deemed to be a replacement of the returned cheque for the purpose of subsequent presentment.

**Q16. What is the validity period of an IRD?**
The validity period for an IRD, as in the case of the original cheques, shall be six months from the date of the original cheque.

**Q17. What shall I do if I lost the IRD?**
A lost IRD is considered a lost cheque. You should notify the drawer to place a ‘Stop Cheque’ instruction with their bank, and request for a new replacement cheque.

**Q18. Can a torn/mutilated IRD still be used?**
No. You should request the drawer for a new replacement cheque.

# Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek

Cheque Truncation and Conversion System ("CTCS")

**Q1. Apakah yang dimaksudkan dengan sistem penjelasan cek baru ini?**

Pada bulan Jun 2007, Bank Negara Malaysia telah memulakan satu projek nasional bagi menyokong wawasan negara untuk memperkenalkan satu mekanisme bayaran yang selamat, efisyen dan menyenangkan bagi penjelasan cek tanpa kertas seiring dengan pemindahan kepada sistem pembayaran elektronik (e-payment). Ia dinamakan Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS).

**Pemangkasan cek** menggunakan imej elektronik dan kod pengecaman aksara dakwat magnet (Magnetic Ink Character Recognition - MICR) bagi data cek dan bukannya cek secara fizikal untuk proses penjelasan. Cek dipindahkan secara digital, dan secara efisyen mengurangkan masa yang diperlukan untuk transaksi pembayaran.

**Q2. Bilakah CTCS akan dilaksanakan?**

Pemangkasan cek dijadualkan perlaksanaannya pada 13 Jun 2008 bermula dengan cawangan kami di Lembah Klang, Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka, dan di lain-lain tempat di seluruh negara secara berperingkat; cawangan kami di Pulau Pinang dan Johor pada Oktober 2008 dan cawangan di Pantai Timur dan Malaysia Timur pada Januari 2009.

**Q3. Adakah sistem baru ini tersebut akan memberi impak kepada cara untuk mengeluarkan dan mendepositkan cek oleh pelanggan pada masa ini?**

Sebagai pendeposit, anda akan dikehendaki untuk mengisi butir-butir pada bahagian belakang cek. Sebagai pengeluar cek, anda dikehendaki untuk menulis cek dengan menggunakan dakwat gelap (dakwat biru atau hitam digalakkan). Ini akan menjelaskan lagi imej cek yang dirakam.

**Q4. Apakah perbezaan rekabentuk di antara cek hari ini dan cek CTCS?**

Cek CTCS yang seragam berukuran 7" x 3.5" dan telah dikeluarkan kepada pelanggan bagi permintaan buku cek baru yang diterima sejak 1 Julai 2007. Pelanggan masih lagi boleh menggunakan cek bukan-CTCS sehingga 31 Ogos 2009, dan selepas tarikh tersebut, cek CTCS akan digunakan sebagai mematuhi piawaian industri ini.

**Q5. Apa yang harus dilakukan sekiranya saya menerima cek yang tidak menepati rekabentuk CTCS selepas 30 Jun 2008?**

Sekiranya anda menerima cek bukan-CTCS selepas 31 Ogos 2009, anda perlu meminta cek yang mematuhi CTCS daripada pengeluar dengan segera. Semenjak 1 Julai 2007, semua bank telah mengeluarkan cek CTCS kepada para pelanggan.

**Q6. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya masih memiliki cek HSBC yang tidak mematuhi CTCS yang belum digunakan selepas tarikh akhir?**

Anda boleh memulangkan cek yang tidak mematuhi CTCS tersebut kepada cawangan anda dan memohon bagi mendapatkan buku cek yang mematuhi CTCS.

**Q7. Adakah terdapat sebarang perubahan terhadap masa penjelasan cek sekarang?**

Cek tempatan dan cek luar kawasan yang didepositkan sebelum masa tamat tempoh bank pada pukul 4.00 petang akan terus dijelaskan pada hari yang sama. Pelanggan boleh menyemak akaun mereka selepas pukul 8.00 malam pada hari bekerja berikutnya untuk memastikan sama ada terdapatnya dana dalam akaun.

**Q8. Adakah amalan pihak bank sekarang yang mengenakan bayaran komisen pertukaran dalaman (CIE) bagi cek luar kawasan akan diteruskan di bawah CTCS?**

CIE tidak akan diterima pakai bagi cek yang dijelaskan melalui CTCS.

## Dokumen Pulangan Imej (DPI)

**Q9. Apakah Dokumen Pulangan Imej (DPI)?**

Melalui CTCS, cek fizikal akan disimpan oleh bank di mana cek tersebut diserahkan. Jika cek tidak dibayar, cek tersebut tidak akan dikembalikan kepada penerima. Penerima bayaran cek akan menerima satu dokumen yang dikenali sebagai Dokumen Pulangan Imej ("DPI") melalui pos oleh bank di mana cek tersebut diserahkan untuk bayaran. DPI diiktiraf di bawah Akta Bil Pertukaran 1949.

DPI merupakan dokumen satu mukasurat yang ringkas, dengan butir-butir berikut:

1. Sebab cek dipulangkan,
2. Sama ada DPI boleh diserahkan,
3. Sama ada anda perlu mendapatkan cek baru daripada pengeluar cek,
4. tempoh sah DPI; dan
5. berapa kali DPI telah dikemukakan.

HSBC

**HSBC Bank Malaysia Berhad**
(Company No. 127776-V)
Head Office, 2, Lebuh Ampang
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2070 0744

**Notis Pulangan Cek (NPC)**
*Return Cheque Advice (RCA)*

No. 000004

Tarikh : 27-04-2008
*Date*

Tuan/Puan,
*Sir/Mdm,*

Kami ingin memaklumkan bahawa cek berikut yang telah didepositkan ke dalam akaun tuan/puan dipulangkan :-
*We wish to inform you that the following cheque deposited into your account has been dishonoured :-*

| | | | |
|---|---|---|---|
| No. Cek / *Cheque No.* | : 002412 | Kod UIC / *UIC Code* | : 200804260222140161010600028149 |
| Bank Pembayar / *Paying Bank* | : HSBC BANK MALAYSIA BERHAD | Amaun / *Amount* | : RM5,000.00 |
| No. Akaun / *No. Account* | : | | |
| Sebab Dikembalikan / *Reason for Return* | : 11 - Post Dated | | |
| Catatan / *Remarks* | : | | |

Sila ceraikan dan kemukakan Dokumen Pulangan Imej di bawah bagi tujuan penjelasan semula.
*Kindly detach the Image Return Document for representment of the above cheque for clearing.*

Terima kasih.
*Thank you.*

Dokumen ini ialah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan
*This is a computer generated document and no signature is required*

Sila ceraikan bahagian ini
*Detach here*

HSBC

**HSBC Bank Malaysia Berhad**
(Company No. 127776-V)

**Dokumen Pulangan Imej (DPI)**
*Image Return Document (IRD)*

No. 000004

Tarikh : 27-04-2008
*Date*

Dokumen ini ialah sah dari segi undang-undang untuk dikemukakan sebagai pembayaran, tertakluk pada terma dan syarat seperti di bawah.
*This document serves as a legal copy of your cheque for representment, subject to the terms and conditions stated below.*




**Maklumat Pemegang Akaun**
*Payee's Particular's*

| | |
|---|---|
| Nama / *Name* | : |
| No. Akaun / *No. Account* | : |
| Kod UIC / *UIC Code* | : 200804260222140161010600028149 |
| Bilangan Penjelasan / *No. of Presentment* | : 01 |
| Sebab Dikembalikan / *Reason for Return* | : 11 - Post Dated |

**Terma dan Syarat**
*Terms and Conditions*

1. DPI ini hendaklah dikemukakan untuk penjelasan dalam tempoh sah laku cek asal.
   *This IRD is to be presented for clearing within the validity period of the original cheque.*
2. DPI ini akan disimpan di bank kami selelah dikemukakan untuk pembayaran.
   *This IRD will be retained when presented to our bank.*
3. DPI yang telah diubahsuai, lusuh atau koyak tidak akan diterima.
   *IRD with any alteration, mutilation or tear will not be accepted.*

Dokumen ini ialah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan
*This is a computer generated document and no signature is required*

# Dokumen Pulangan Imej (DPI)

**Q10. Apa perlu saya lakukan sekiranya saya menerima DPI?**
Sila rujuk kepada bahagian bawah DPI untuk menentukan sebab cek dikembalikan. Sila semak sama ada anda boleh mengemukakan DPI. Pengemukaan DPI hanya dibenarkan bagi sebab-sebab pengembalian berikut:

- Rujuk kepada Pembayar
- Melebihi Penetapan / Had jumlah yang Dibenarkan
- Efek Belum Jelas
- Tidak Diurus Dahulu
- Sebab-sebab Lain (bagi dana tidak mencukupi)
- Tarikh Hadapan
- Pengesahan Jumlah Besar diperlukan

**Q11. Bagaimanakah saya perlu mengemukakan DPI selepas resolusi sebab pemulangan cek?**
DPI bagi mana-mana sebab pemulangan di atas hanya boleh didepositkan dalam bank yang sama (atau mana-mana cawangannya) dan ke dalam akaun yang sama di mana cek tersebut pada asalnya dikemukakan untuk pembayaran. DPI hanya boleh dikemukakan untuk penjelasan dan bukan untuk penunaian.

**Q12. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya DPI tidak dapat dikemukakan?**
Anda perlu mengembalikan DPI berkenaan kepada pembayar cek sebagai ganti bagi mendapatkan cek yang baru. Cek ganti tersebut perlu menjelaskan sebab-sebab pengembalian DPI supaya ia dapat dijelaskan dengan jayanya melalui CTCS.

**Q13. Sekiranya saya mengemukakan DPI dan ia dikembalikan, adakah saya akan mendapat balik DPI yang sama?**
Tidak, DPI baru akan dikeluarkan bagi setiap pengembalian cek yang sama. DPI tersebut akan menyatakan bahawa ianya adalah DPI kedua.

**Q14. Bagaimanakah saya dapat pastikan DPI itu adalah tulen?**
Imej depan dan belakang cek asal akan dicetak pada DPI, dan DPI itu sendiri akan dicetak pada kertas bercirikan keselamatan. Setiap DPI juga akan mempunyai nombor siri dan dikawal ketat oleh bank yang mengeluarkan DPI.

**Q15. Adakah terdapat sebarang caj dikenakan kepada pendeposit apabila bank mengeluarkan DPI?**
Tidak. Selain daripada caj-caj pemulangan cek biasa, tiada sebarang caj tambahan dikenakan kerana DPI dianggap sebagai penggantian cek yang dipulangkan bagi tujuan pengemukaan semula.

**Q16. Berapa lamakah tempoh sah DPI?**
Tempoh sah DPI, sebagaimana tempoh bagi cek asal, adalah enam bulan daripada tarikh asal cek dikelurkan.

**Q17. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya kehilangan DPI?**
Kehilangan DPI akan dianggap sebagai kehilangan cek. Anda perlu memaklumkan pengeluar agar mengeluarkan arahan ‘Pemberhentian Cek’ kepada pihak bank, dan memohon bagi cek ganti.

**Q18. Bolehkan DPI yang lusuh/koyak digunakan?**
Tidak. Anda perlu meminta pengeluar untuk menggantikan dengan cek baru.

*Dikeluarkan oleh HSBC Bank Malaysia Berhad (No. Syarikat 127776-V) dan HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Syarikat 807705-X)*